

Teguh Jaya nafi beroperasi tak ikut SOP

KUALA LANGAT - Sebuah kilang memproses sisa plastik di Sungai Rambai, Jenjarom di sini menafikan mereka beroperasi tanpa mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan sehingga mencemarkan alam sekitar.

Jurucakap syarikat Teguh Jaya Polymer Sdn. Bhd., Dzalman Zainal berkata, kesemuanya bermula apabila kilang tersebut digunakan sebagai 'model' bagi laporan sebuah akhbar dengan lambakan guni berisi sisa plastik.

Katanya, dakwaan tersebut

ternyata tidak berasas berikutan kesemua sisa plastik yang diperoleh syarikat tersebut adalah sah kerana mendapat kelulusan pihak berkuasa termasuk Jabatan Kastam menerusi kelulusan Gudang Pengilangan Berlesen (LMW).

"Terdapat sebahagian gambar sisa plastik itu telah disunting dengan menjadikan kilang kami yang berlesen ini sebagai model dengan dakwaan menjalankan perniagaan tanpa kelulusan Permit Import (AP).

"Sisa plastik itu sebenarnya

telah dihimpunkan di luar pagar kilang ini oleh pengusaha kilang haram memproses sisa plastik yang jaraknya hampir dua meter sahaja daripada kilang ini," dakwanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

AP adalah lesen import dan eksport yang dikeluarkan berdasarkan Akta Kastam 1967.

Beliau memberitahu, Teguh Jaya yang telah beroperasi sejak enam tahun lalu juga mendapat kelulusan daripada Majlis Daerah Kuala Langat dan Jabatan Alam Sekitar.



DZALMAN menunjukkan sisa plastik yang telah dihancurkan sebelum diproses menjadi ralsin dan dieksporth semula ke luar negara di Sungai Rambai, Jenjarom semalam.